

Sidang Dewan Rakyat

# Pindaan Akta 800 tambah baik keselamatan sosial


## Tingkat kadar gaji RM4,000 kepada RM5,000 sebulan

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang dibentang di Dewan Rakyat semalam, akan meningkatkan siling gaji daripada RM4,000 kepada RM5,000 sebulan untuk mencarum skim itu.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata pindaan itu selaras dengan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja minggu lalu, yang bertujuan menambah baik liputan keselamatan sosial dengan meningkatkan faedah diterima pekerja.

Katanya, pindaan Akta 800 itu akan mewujudkan caruman baharu bagi lingkungan gaji bulanan antara RM4,000 hingga RM5,000, sekali gus menambah baik perlindungan keselamatan sosial Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan meningkatkan faedah seperti Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Be-



Saravanan ketika membentangkan RUU Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022 untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

kerja Semula Awal dan lain-lain.

### Kiraan siling gaji baharu

"Ketika ini, jika seorang pekerja bergaji lebih RM4,000 layak menerima Elaun Mencari Pekerjaan di bawah Akta 800 selama enam bulan, pengiraan bayaran Elaun Mencari Pekerjaan bagi pekerja itu mengikut siling gaji sedia ada berjumlah RM10,665.

"Bagaimanapun, berdasarkan pengiraan siling gaji baharu, pekerja itu akan menerima

RM13,365. Dalam hal ini, berlaku peningkatan 25.3 peratus bagi siling gaji baharu berbanding siling gaji sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022 untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat, semalam.

RUU itu antara lain mengusulkan tiga pindaan pada peruntukan sedia ada, membabitkan Subseksyen 16(2) (had siling gaji daripada RM4,000 kepada

RM5,000), Jadual Kedua Perenggan 2 (kadar caruman jenis pertama dan kedua) serta Jadual Ketiga Perenggan 8 (kadar faedah merangkumi Elaun Mencari Pekerjaan, kadar Elaun Bekerja Semula Awal, kadar Elaun Pendapatan Berkurangan, Elaun Latihan dan Fi Latihan).

Selain itu, RUU itu turut mengusulkan 10 butiran baharu yang dimasukkan ke dalam Jadual Kedua Perenggan 2, bagi menunjukkan caruman baharu untuk gaji bulanan RM4,100 sehingga gaji bulanan melebihi RM5,000.

Saravanan berkata, pindaan dalam RUU itu penting kerana Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dapat mengurangkan kesusahan individu kehilangan pekerjaan untuk menara diri dan keluarga sementara mendapat pekerjaan baharu.

Dengan jaminan pendapatan ketika mencari pekerjaan baharu, katanya, SIP dapat mengurangkan tekanan dan masalah sosial serta mengelak masalah kewangan yang boleh menyebabkan konflik keluarga.

"Kerajaan berharap RUU Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022 ini dapat memberi nilai impak yang disasarkan iaitu menjamin kesejahteraan sosial penerima faedah dan manfaat sedia ada serta baharu," katanya.